



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**Seminar Kebangsaan  
Majlis Dekan Pendidikan  
Universiti Awam Malaysia  
(MEDC2020)**

*Ke Arah Menginsankan Pendidikan di Malaysia*

*Prosiding Seminar*

**Penyunting**

**Hishomudin Ahmad, Noor Saazai Mat Saad  
Rahimah Saimin, Kirembwe Rashid Abdul Hamed  
Noorhayati Hashim, Sarifah Nurhanum Syed Sahuri  
Zarina Ashikin Zakaria, Nur Shahadah Mohd Surbani**

Published by:  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Tel.: +606-798 6753/6754 Fax: +606-798 6750  
Emel: info.fpbu@usim.edu.my  
All Rights Reserved.

Copyright © Fakulti Pengajian Bahasa Utama

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, or transmitted in any form or by any means, including photocopying, recording, or other electronic or mechanical methods, without the prior written permission of the publisher, except in the case of brief quotations embodied in critical reviews and certain other non-commercial uses permitted by copyright law.

e ISBN 978-967-440-885-5



Februari 2021

# Pendahuluan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Setelah 63 tahun merdeka, sistem pendidikan Malaysia masih berhadapan pelbagai cabaran untuk mema generasi yang seimbang dan harmonis terutamanya aspek kerohanian dan emosi. Tidak dinafikan, pendidikan sedia ada berjaya melahirkan individu-individu yang cemerlang dalam akademik seterusnya professional dalam pelbagai bidang. Namun, tidak sedikit daripada mereka mengalami kekosongan rohani dan gejala jiwa sehingga menyukarkan mereka untuk mengurus diri dan kehidupan yang akhirnya mewujudkan krisis ekonomi dan sosial dalam masyarakat. Oleh itu, adalah penting untuk menginsankan pendidikan di Malaysia dengan mengembalikan asas kemanusiaan yang digariskan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Asas kemanusiaan ini juga perlu didasari dengan prinsip agama dan nilai-nilai murni sejagat untuk mema semula manusia yang holistik dan rasional.

Majlis Dekan Pendidikan Malaysia merupakan salah satu badan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mewujudkan kerjasama serta perkongsian idea dan kepakaran yang berkaitan dengan penawaran program pendidikan di Universiti Awam (UA). Ia menganjurkan seminar di peringkat kebangsaan setiap tahun sebagai wadah perkongsian hasil penyelidikan dan pertukaran idea ke arah memperkasakan program pendidikan di Malaysia. Pada tahun 2020, majlis ini bekerjasama dengan Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia menganjurkan MEDC2020

**TEMA:** Ke Arah Menginsankan Pendidikan di Malaysia

## **SUB TEMA**

1. Pendidikan Holistik di Malaysia
2. Pendidikan Berasaskan Nilai
3. Pendidikan dalam Era Revolusi Industri 4.0
4. Pendidikan dalam Konteks Norma Baharu

## Ucapan Naib Canselor

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya menganjurkan Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam kali ini.



Seminar ini amat besar peranannya dalam menyebarkan ilmu dan kefahaman terhadap pendidikan holistik dan berasaskan nilai ke arah menginsankan pendidikan di Malaysia di era Revolusi Industri 4.0. Apatah lagi, di saat sektor pendidikan di negara Malaysia ketika ini yang masih bergelut dengan pandemik COVID 19, perkongsian ilmu seumpama ini amat bererti dalam menunaikan kehendak kerajaan mencipta kecemerlangan dengan ilmu baharu melalui penyelidikan-penyelidikan terkini. Ilmu-ilmu baharu ini amat penting dalam menyediakan modal insan berkualiti demi mencapai hasrat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 nanti.

Pendidikan dalam suasana norma baharu memperlihatkan penggunaan teknologi terkini yang menekankan Flexible Education dan kursus dalam talian terbuka secara besar-besaran. Pembelajaran secara digital menjadi pilihan utama dalam pengajaran dan pembelajaran norma baharu melalui aplikasi seperti *MS Teams*, *Zoom Cloud Meeting*, *Google Meet* dan *Google Classroom* menggantikan tradisi pembelajaran secara bersemuka yang dipraktikkan selama ini. Peluang ini menggalakkan pendidik dan pelajar berfikir lebih kreatif dan kritis serta berupaya menyelesaikan masalah dalam pembelajaran dan pengajaran.

Walau bagaimanapun, sentuhan kemanusiaan perlu diterapkan merentasi bidang dan keupayaan teknologi dalam usaha untuk memajukan sektor pendidikan di Malaysia. Di sinilah peranan para penyelidik dan pendidik untuk meneroka dan membentuk elemen keinsanan dalam pendidikan demi memastikan aspek emosi dan rohani terus berkembang mekar dalam diri setiap pelajar. Usaha-usaha ini akan melonjakkan kualiti pendidikan serta merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi yang diselaraskan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, In Sha Allah.

Akhir kata, saya ingin mengalu-alukan wakil-wakil dari Universiti Awam di seluruh Malaysia yang sudi bertandang secara maya ke USIM, bukan sahaja menjadi penyumbang ilmu, malah memberi sokongan padu sehinggakan seminar ini berjaya dilaksanakan.

Sekian dan terima kasih.

**Profesor Dr. Mohamed Ridza Wahiddin**

Naib Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia.

## Ucapan Dekan

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala  
Wabarakatuh,

Syukur Alhamdulillah kerana limpah kurnia-Nya Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia tahun 2020 (MEDC 2020) ini dapat dilaksanakan di Universiti Sains Islam Malaysia.



Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia, yang telah memberi kepercayaan penuh kepada pihak Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia untuk menjadi tuan rumah seminar pada kali ini. Saya juga mengucapkan terima kasih juga kepada para ilmuwan dan cendekiawan dari seluruh Malaysia yang sudi bertandang secara maya ke Negeri Beradat, Negeri Sembilan Darul Khusus. Kami warga fakulti berasa amat teruja dan berbangga dengan kepercayaan dan penghormatan serta terharu atas sokongan dan dorongan yang diberikan oleh pelbagai pihak bagi menjayakan seminar ini.

Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia atau singkatannya MEDC yang dianjurkan setiap tahun ini, sebenarnya berperanan besar ke arah mencetuskan paradigma dan menentukan hala tuju pendidikan di Malaysia yang sedaya-upaya dipacu ke peringkat yang lebih tinggi atau “*Soaring Upwards*”, agar selaras dengan perkembangan globalisasi dan keperluan Pendidikan Abad ke-21 ini. Seminar ini sudah pasti menjadi medan perkongsian ilmu dalam kalangan ilmuwan dan cendekiawan kerana kita amat berkeyakinan bahawa gabungan idea dan komentar mereka melalui hasil penyelidikan atau perngkongsian pengalaman masing-masing boleh dirumus menjadi formula penyelesaian masalah yang mungkin atau sedang dihadapi oleh sektor pendidikan di negara ini. Sudah menjadi adat, ilmu-ilmu terkini akan terus berkembang dan bermanfaat melalui usaha-usaha pihak universiti, institusi atau agensi dalam penyelidikan dan perbincangan ilmiah. Saya juga yakin, usaha-usaha ini tidak akan terhenti walaupun kita berada dalam situasi yang genting dan penyesuaian norma baharu khususnya dalam bidang pendidikan.

Sesuai dengan matlamat seminar ini dilangsungkan, maka adalah diharapkan agar perhimpunan para ilmuwan dan cendekiawan di Universiti Sains Islam Malaysia walaupun secara dalam talian ini dapat menyemarakkan kolaborasi akademik sekali gus memupuk kerjasama erat dalam mengupayakan dunia pendidikan kita di negara ini. Adalah diharapkan agar dapatan penyelidikan yang dibentangkan dalam seminar kali ini, akan

memberi rumus ilmu yang dapat dimanfaatkan sebagai panduan kepada warga USIM khususnya dan universiti awam seluruh Malaysia. In sha Allah.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan selaku penganjur untuk memohon kemaafan, seandainya terdapat sebarang kekurangan atau kesilapan daripada kami yang menimbulkan ketidakselesaan kepada seluruh penguaptama, pembentang dan peserta sepanjang penganjuran seminar ini selama dua hari.

Sekian dan terima kasih.

**Profesor Madya Dr. Nurkhamimi bin Zainuddin**  
Dekan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

## Ucapan Pengarah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Pertama, marilah kita mengucapkan Alhamdulillah sebagai tanda syukur kepada Allah SWT yang mengizinkan kita berkumpul dan bertemu di Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC) edisi 2020.



Saya dan rakan – rakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengalu-alukan kehadiran para pembentang dan peserta dari pelbagai universiti, institusi atau agensi awam mahupun swasta di seluruh negara.

Tahun 2020 telah dicorakkan dengan pelbagai kisah dan peristiwa yang tersendiri. Ujian dan cabaran yang berlaku atas kehendak Yang Maha Esa telah mengubah landskap ekonomi, pendidikan dan sosial negara. Penganjuran MEDC 2020 kali ini ternyata berbeza daripada sebelumnya. Apatah lagi ianya pertama kali dijalankan sepenuhnya secara atas talian dan mengikut Tatacara Pengendalian Piawai tertentu sebagai satu usaha dan komitmen kita untuk memutuskan rangkaian Virus COVID 19. Berbekalkan semangat, kekuatan, galakan dan sokongan daripada pihak universiti, fakulti, Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia, rakan-rakan dan ahli keluarga, jawatankuasa penganjur melangkah dengan penuh yakin untuk melakukan tugas dan amanah yang diberikan dengan sepenuh jiwa dan raga demi mendapatkan keredhaan Ilahi, sekaligus berusaha memastikan MEDC 2020 dapat berlangsung dengan jayanya.

Dalam suasana norma baharu, MEDC 2020 memberi ruang dan peluang kepada para pemikir, penyelidik dan pendidik untuk berkongsi ilmu dan pandangan tentang isu, cabaran dan strategi dalam menginsankan pendidikan di Malaysia. Jumlah penyertaan daripada para pembentang dan peserta bagi seminar, pertandingan inovasi dan bengkel amat memberangsangkan. Lebih 100 kertas kerja daripada pelbagai insitituti pendidikan, agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi serta pihak-pihak yang berminat telah disaring dan diterima untuk membincangkan tema seminar kali ini iaitu “Ke Arah Menginsankan Pendidikan di Malaysia”. MEDC 2020 mengambil satu langkah ke hadapan apabila buat julung kali sebuah pertandingan inovasi, InnoMEDC dianjurkan bersempena seminar ini. Sebanyak 80 penyertaan telah diterima untuk penilaian para juri daripada aspek kreativiti dan sumbangan dalam dunia pendidikan. Penganjuran MEDC 2020 juga telah membina rangkaian kerjasama di antara pihak FPBU dan pelbagai agensi yang menyokong agenda ke arah menginsankan pendidikan di Malaysia. Kami bebesar hati



dan merasa amat gembira dengan sokongan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), Penerbit USIM dan Pusat Zakat Dan Wakaf USIM yang sudi menjadi rakan strategik dan penaja bersama MEDC 2020.

Secara keseluruhannya, MEDC 2020 telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Besarlah harapan kami, seminar kali ini menjadi titik tolak atau permulaan kepada kita semua untuk menginsankan pendidikan di Malaysia dengan mengembalikan asas kemanusiaan yang digariskan dalam falsafah pendidikan kebangsaan yang didasari dengan prinsip agama dan nilai-nilai murni sejagat untuk membina semula manusia yang holistik dan rasional.

Akhir kata, saya juga ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang sudi hadir dan meluangkan masa untuk menghadiri MEDC 2020. Pihak kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan keprihatinan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Sekian dan terima kasih.

**Dr Sarifah Nurhanum Syed Sahuri**

Pengarah,

Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC 2020)

## KANDUNGAN

Pendahuluan .....	3
Ucapan Naib Canselor.....	4
Ucapan Dekan .....	6
Ucapan Pengarah.....	8
KANDUNGAN.....	10
Pencegahan Rasuah Ke Arah Menginsankan Pendidikan Di Malaysia.....	14
Pengaruh Motivasi Pelajar Dalam Program Latihan Kebolehpasaran Di Era Revolusi Industri 4.0 .....	26
Anjakan Digitalisasi Pedagogi Bakal Guru Bahasa Melayu: Pertimbangan Terhadap Aspek Fizikal Dan Psikososial Bagi Pelaksanaan LMI Dalam Talian.....	41
Sijil ‘ <i>Star Rating</i> ’ (SSR) Penarafan Kualiti Solekan pelajar Terapi Kecantikan Dan Spa, Kolej Komuniti Muar, Johor. ....	52
Peningkatan Penguasaan Tatabahasa Melalui Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Ledang Bagi Kursus MPU 1212: Bahasa Kebangsaan .....	67
Using the Video Modelling Method to Enhance the Social Interactional Skills Among Semester 2 Welding Students in Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILPKL) .....	77
Peranan Penasihat Industri Dalam Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tinggi .....	97
Pembelajaran Dalam Talian Pada Era Covid-19: Pengalaman Pelajar Kursus Metodologi Penyelidikan FPBU .....	106
Keberkesanan Penggunaan Lagu Berasaskan Teknologi Untuk Meningkatkan Kecekapan Perbendaharaan Kata Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Di Universiti Malaysia Sabah (UMS) .....	113
Pendidikan Abad Ke 21 Dalam Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (ESL) Di Institusi Pengajian Tinggi di Sabah, Malaysia .....	122
Perlaksanaan Temuduga Dalam Talian Bagi Calon Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) UTM.....	129
Kesan Scaffolding Metakognitif Dalam Memahami Pembelajaran Konsep Tatabahasa Penandaan <i>Tense-Aspect</i> Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar L1 .....	136
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Sains Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kebangsaan .....	151
Persepsi Bakal Guru Pendidikan Khas Terhadap Pendidikan Khas Di Malaysia .....	160
Perbandingan Kesedaran Pelajar Terhadap Amalan Keselamatan Di UTHM Dan KKTM....	174

Tinjauan Ke Atas Hubungan Di Antara Motivasi Dengan Transformasi Budaya Kehidupan Dalam Kalangan Pelajar Baharu Di Institut Pengajian Tinggi (IPT) .....	195
Pembangunan Modul Pengajaran Berasaskan Permainan Digital Bagi Kursus Teknologi Elektrik 1 .....	202
Kecerdasan Emosi Dalam Proses Kreativiti: Meningkatkan Nilai Dalam Drama KOMSAS. 216	
Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak: Restrospektif Guru .....	245
Pembangunan Kerangka Persekolahan Berasaskan Penjarakan Fizikal Pandemik COVID-19 .....	257
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Memperkukuh Kefahaman Pelajar Dalam Subjek Matematik Sekaligus Meningkatkan Persediaan Pelajar Menuju Era Revolusi Industri 4.0 ..	271
Analisis Keperluan Gaya Berfikir Dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Bagi Menyelesaikan Masalah Dalam Penghasilan Produk .....	287
English Language Literacies – Practices, Competencies vs Demands in Academic Discourses .....	311
Persepsi Pelajar Bidang Mekanikal Terhadap Penguasaan 4C Dalam Pembelajaran Teori Dan Amali .....	334
Keberkesanan Penggunaan Peta Pemikiran Dalam Program I-THINK Bagi Meningkatkan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam.....	345
Penilaian Tahap Kemahiran Pengurusan Kelas dan Motivasi Guru Pelatih Pelajar Sarjana Muda FPTV, UTHM .....	353
Norma Baharu: Cabaran Pengajaran Digital Secara Maya Pasca COVID 19 .....	361
Dilema Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Moral Dalam Masyarakat Majmuk Malaysia: Masalah Dalam Kalangan Guru .....	373
Penyertaan Dan Strategi Meningkatkan Aktiviti Fizikal Di Kalangan Pelajar Pendidikan Seni Di UiTM.....	384
Penggunaan <i>Display Light Board</i> (DLB) Dalam Meningkatkan Kemahiran Teknik Melukis Bentuk Geometri Secara ' <i>Still Life</i> ' .....	399
Adakah Kita Sudah Sedia?: Analisis Guru Pendidikan Sivik Di Malaysia.....	412
Pengaplikasian Teori Pembelajaran Konstruktivisme Dalam Pembelajaran Matematik .....	421
Pembelajaran Menggunakan Kaedah Koperatif " <i>Stay and Stray</i> " Dalam Penulisan Bahasa .	439
Pembelajaran Menggunakan Kaedah <i>Brainwriting</i> Dalam Membantu Pelajar Menguasai Kemahiran Menulis .....	457
Tinjauan Sistemik Pembelajaran Koperatif Menggunakan Kaedah <i>Jigsaw</i> Dalam Penulisan Bahasa .....	475
Apakah Kemahiran Melakar Aras Tinggi (KMAT)? Reka Bentuk Dan Aplikasinya Dalam Pengkaryaan Seni Visual.....	488

Tekanan Akademik: Cabaran Pembelajaran Dalam Talian Dalam Kalangan Pelajar Semasa Norma Baharu .....	501
Peningkatan Literasi Pertanian Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Keberkesanan Modul Reka Bentuk Dan Pembangunan Landskap.....	523
Penggunaan Teknik Permainan Berkumpulan ‘ <i>Vocabulary Taskforce</i> ’ Untuk Meningkatkan Motivasi Pelajar Dalam Menguasai Perbendaharaan Kata Bahasa Inggeris .....	537
Pembentukan Nilai Melalui Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Orang Asli Suku Semai .....	553
Covid-19: Cabaran Dan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Teradun.....	568
Reka Corak Simetri: Analisis Terhadap “ <i>Frieze Patterns</i> ” Dalam Tekat Benang Emas .....	582
Pembangunan Insan Melalui Pengintegrasian Maharat Al-Quran Dalam Pembelajaran Kimia .....	583
Kisah Wira Tidak Di Dendang: Cabaran Dan Usaha Guru -Guru Bahasa Inggeris Di Sebuah Sekolah Kebangsaan Asli Di Malaysia .....	595
Perbezaan Jantina Dalam Sikap Membaca Murid Sekolah Rendah: Dari Lensa Guru-Guru Bahasa .....	609
Penguasaan Kemahiran Proses Sains Dalam Pembelajaran Sains Berasaskan Permainan Digital .....	624
Pembangunan Insan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Melalui Pendekatan <i>Lesson Study</i> : Satu Cabaran.....	635
Kemahiran Nilai Manipulatif Dalam Menggunakan Silinder Penyukat, Termometer Dan Mikroskop Dalam Kerja Amali Sains .....	651
Membangunkan Sistem Pengudaraan Mekanikal <i>Smart Vehicle Ventilation (SVV)</i> Pada Kenderaan Berasaskan IOT.....	663
Bagaimana Retorik Quranik Surah an-Nisa Membentuk Pendidikan Adab Dan Kesopanan Masyarakat .....	671
Emosi Dan Kesopanan Komunikasi Dalam al-Qur'an: Tinjauan Psikologi Dan Retorik al-Quran .....	677
Pembangunan Penulisan Melalui ‘ <i>Carousel with A Destination</i> ’: Satu Projek CSR Bersama Murid Tahun 5 SK Banting .....	691
Kemampuan Interpretasi Dan Penggunaan Data Pentaksiran Dalam Pengajaran.....	700
Kemahiran Penulisan Akademik Di Universiti: Analisis Keperluan Dan Kompetensi Semasa Pelajar ESL.....	715
Penggunaan <i>Haal</i> Dalam Nahu Arab Dalam al-Quran .....	722
Memfaatkan Pengalaman Pelajar Pelawat Dalam Membangunkan Garis Panduan Untuk Program Pengantarabangsaan Pendidikan.....	730
Pembelajaran Berasaskan Permainan (GBL) Untuk Penulisan Akademik: Satu Tinjauan Dari Guru Pra-Perkhidmatan ESL.....	745

Malaysian Trainee Teachers' Experience at Managing Students' Learning During the Pandemic: A Leap into the 21st. Century Skills .....	751
Kesediaan Pelajar Program Pendidikan Terhadap Kursus Keusahawanan Di Universiti Utara Malaysia .....	764
Pengurusan Pembelajaran Berasaskan <i>Blended Learning</i> Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan .....	770
Hubungan Jantina Dan Kepuasan Klien Dalam Kaedah Kaunseling Bersemuka Dan E-Kaunseling.....	774
Aplikasi Jawi Dalam Pendidikan Guru .....	784
Pemupukan STEM Dalam Kalangan Pelajar Luar Bandar.....	792
Pengaruh Kepimpinan Instruksional, Kecerdasan Emosi Dan Personaliti Guru Besar Terhadap Prestasi Kerja Guru Sekolah Rendah di Sabah.....	814
Persepsi Kaunselor Terhadap Gangguan Stress Pasca Trauma ( <i>Post-Traumatic Stress Disorder</i> ) Mangsa Buli Di Malaysia.....	836
Aspirasi Falsafah Pendidikan Islam Dalam Memperkasa Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemangkin Perubahan Masyarakat.....	854
Pembelajaran pecahan dan sikap ke arahnya tidak berhubung.....	867
“We Wanna Go Home!”.....	877

## **Norma Baharu: Cabaran Pengajaran Digital Secara Maya Pasca COVID 19**

**Nik Md. Saiful Azizi bin Nik Abdullah, Rohani binti Ali & Rabi'atul Athirah Muhammad Isa**

*Kulliyah of Education, Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

[nikazizi@iium.edu.my](mailto:nikazizi@iium.edu.my), [rohanibintialia@gmail.com](mailto:rohanibintialia@gmail.com), [irafansurie@gmail.com](mailto:irafansurie@gmail.com)

### **ABSTRAK**

**Pengenalan-** Covid 19 merupakan virus baharu yang mula menjadi wabak di awal tahun 2020 telah memberi kesan besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran norma baharu. Justeru, kajian ini membincangkan cabaran pembelajaran secara maya yang dilalui oleh guru dan murid sepanjang berlakunya pandemik Covid 19.

**Objektif-** Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dan murid ketika proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian (online), menilai keberkesanan pengajaran guru secara atas talian (online learning) memberi kesan positif kepada murid berbanding pengajaran secara bersua muka dengan guru dan mengenalpasti cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran normal baharu.

**Metodologi-** Kajian yang dijalankan secara kualitatif ini melibatkan analisa dokumen dan temubual 10 orang murid menerusi aplikasi video whatapss.

**Dapatan-** Dapatan kajian menunjukkan pengajaran secara digital sepanjang berlakunya pandemik covid 19 merupakan satu cabaran yang cukup besar yang digalas oleh para guru ketika berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain itu, keperluan pembelajaran ini selari dengan kesungguhan pihak kerajaan Malaysia dalam melahirkan generasi terdidik di kalangan rakyat Malaysia tidak kira masa dan tempat.

**Kepentingan-** Implikasinya, guru memainkan peranan penting dalam menentukan keberhasilan pembelajaran abad ke 21. Selain cabaran seperti memberi kefahaman kepada guru dan murid untuk mempraktikkan prosedur operasi standard (SOP), proses pentaksiran murid serta guru juga berdepan dengan cabaran luar daripada ibu bapa dan masyarakat. Jika dahulu pembelajaran abad ke 21 yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid namun kini berubah kepada pengajaran berpusatkan guru.

**Kata Kunci:** Covid 19, cabaran pengajaran digital, secara maya (online learning)

## **Pengenalan**

Covid 19 merupakan virus baharu yang mula menjadi wabak di awal tahun 2020. Ianya mula dianggap satu wabak yang berbahaya pada 11 Mac 2020 apabila Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mula mengisytiharkan wabak ini masih tidak mempunyai vaksin dan merupakan wabak yang baharu ditemui. Kerjasama saintis dan juga doktor diseluruh dunia dalam menangani dan mencari vaksin bagi wabak ini mula digerakkan dari setiap sudut. Sebagai langkah berjaga-jaga agar rantai penularan wabak ini dapat dihentikan pelbagai cara mula diperkenalkan oleh setiap negara.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, covid 19 merupakan virus baharu yang telah ditemui di Wuhan, China. Ianya adalah sejenis virus yang menjangkiti saluran pernafasan dan boleh menyebabkan simptom selesema yang teruk seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV). Jangkitan dari Covid 19 ini berlaku dengan cepat sekali dan mampu menjangkiti seramai 150 orang dalam jangka waktu yang singkat. Jangkitan Corona virus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk.

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang berkembang maju juga tidak terkecuali dijangkiti oleh wabak yang berbahaya ini. Dalam usaha menangani wabak ini daripada terus menular dan menjangkiti rakyat Malaysia pelbagai dasar dan langkah pencegahan telah diperkenalkan.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mempunyai pengalaman bagaimana menangani virus lain yang seumpama dalam kumpulan ini seperti SARS dan MERS CoV. Dalam menangani kluster atau wabak jangkitan SARS dan MERS CoV, pematuhan kepada prinsip kesihatan awam yang ketat serta pengawalan jangkitan telah membolehkan kluster atau wabak penyakit tersebut dihentikan. Pihak KKM yakin dengan mengamalkan prinsip yang sama akan berjaya menangani kluster jangkitan COVID-19 ini.

Malaysia juga tidak terkecuali terkena tempasnya. Pengenalan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020. Bermula dari tarikh itu semua sektor pekerjaan perlu bekerja dari rumah. Sektor pendidikan juga perlu bersedia untuk bekerja dari rumah memandangkan kaedah yang paling baik menangani pandemik ini hanya dengan memutuskan rantai virus yang amat berbahaya ini.

Majlis Keselamatan Negara mengeluarkan arahan untuk semua rakyat Malaysia bekerja dari rumah. Kejayaan dalam menangani pandemik ini dari terus menular adalah bergantung kepada sikap dan disiplin rakyat Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan arahan agar semua guru mula bekerja dari rumah secara atas talian (online). Antara pilihan aplikasi yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-muridnya termasuklah Google classroom, Whatsapps, Telegram, Kahoot, Quizzes, Google meet, Zoom, serta mencetak bahan sumber untuk diagihkan kepada murid-murid. Bermula dari langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikeluarkan, bermulalah episod baru dalam pengajaran guru. Jika sebelum ini pengajaran secara bersemuka adalah langkah terbaik untuk memberi kefahaman kepada murid, namun seorang guru tidak dapat lari dari arus perubahan dan kemodenan serta mengikut perkembangan semasa yang berlaku di sekeliling mereka.

Menurut Wa Ya Shin (2020), terdapat 1.5 bilion orang pelajar daripada lebih 165 buah negara yang tidak dapat meneruskan persekolahan ekoran COVID-19. Seperti yang telah

diumumkan oleh UNESCO pada 26 Mac 2020. Malaysia adalah salah satu negara yang telah mengambil langkah menutup sekolah-sekolahnya bermula 18 Mac 2020, apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama dilaksanakan. Pelbagai andaian yang lahir dari PKP yang pertama ini. KKM mengandaikan pada berakhirnya tarikh PKP yang pertama semua sektor di dalam Negara Malaysia akan dapat beroperasi seperti sedia kala. Namun kesemua andaian itu ternyata meleset. PKP masih diteruskan lagi pada 3 minggu berikutnya. Justeru itu pembelajaran atas talian telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi membantu murid agar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Namun begitu pengajaran secara atas talian yang diperkenalkan ini juga mempunyai beberapa kekangan ketika dilaksanakan.

### **Pernyataan Masalah**

Bertitik tolak dari Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan Malaysia oleh Menteri Kanan Pertahanan pada 18 Mac 2020, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah merangka satu dasar agar pembelajaran masih boleh dijalankan. Ini membuka satu dimensi baru di dalam transformasi pendidikan di Malaysia. Pada asasnya segala perancangan dan dasar ini di lakukan adalah bertujuan untuk mengelakkan dari berlakunya keciciran murid di dalam pelajaran. Justeru itu pembelajaran secara atas talian (online learning) diperkenalkan. Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan lagi dengan perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 4 Mei 2020. Pelbagai Prosedur Operasi Standard diperkenalkan.

Walaupun PKP dilonggarkan, pelajar sekolah rendah dan menengah serta pelajar-pelajar IPT/IPTS masih lagi tidak dapat meneruskan pengajian mereka secara bersemuka dengan guru. Ini adalah bertujuan untuk mengawal pandemik Covid 19 dari terus merebak. Menurut satu artikel yang ditulis oleh Dr Rosninawati Hussain (Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM) mengupas bagaimana pembelajaran di atas talian (Online Learning) menjadi begitu penting dewasa ini. Justeru itu pengenalan kepada pembelajaran secara Google Classroom (GC), Google Meet(GM), Quizzlet, Kuiz melalui Google Form, Zoom, Aplikasi melalui Whatapps dan Telegram serta pelbagai lagi pembelajaran secara maya diperkenalkan.

Kepelbagaian pembelajaran secara maya yang di perkenalkan ketika pandemik Covid 19 sedang merebak ini bukanlah perkara baharu bagi seorang guru. Umum mengetahui bahawa pembelajaran TMK (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) telah pun lama diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu pada tahun 2014. Guru-guru telah diberikan latihan dan kursus yang secukupnya bagi mengendalikan perkakasan komputer dan juga aplikasi yang terdapat di dalamnya. Walaupun begitu, ketika negara diuji dengan pandemik Covid 19 jelas menunjukkan permasalahan dan cabaran yang perlu ditangani oleh guru-guru. Justeru itu kajian yang bakal dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji, menyasat serta merungkai permasalahan dan cabaran yang di lalui oleh guru-guru dalam mendepani pengajaran secara digital di alam maya ( virtual learning)

### **Objektif kajian**

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengkaji permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dan murid ketika pengajaran secara atas talian (online) dijalankan.



2. Menilai keberkesanan pengajaran guru secara atas talian (online learning) memberi kesan positif kepada murid berbanding pengajaran secara bersua muka dengan guru.
3. Menyiawat cabaran yang dihadapi oleh guru ketika menghadapi situasi pandemik Covid 19 untuk menjalankan sesi pengajaran kepada murid-murid.
4. Mengenalpasti cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran normal baharu.

### **Metodologi kajian**

Kajian kualitatif ini dijalankan menggunakan metod temubual dengan memberikan instrumen secara terus dan menurut pengalaman sendiri bagaimana pengkaji mendepani permasalahan pengajaran secara atas talian (Online Learning). Setiap minggu pengkaji menyediakan bahan bercetak dan juga bahan pengajaran dan pembelajaran berbentuk kuiz dalam bentuk (Quizlet) Google form (GF) untuk dijawab oleh murid-murid. Namun tindakbalas daripada murid kurang memuaskan. Kajian kualitatif ini dilakukan dengan membuat temubual secara panggilan video menggunakan aplikasi Whatapps kepada murid sekolah rendah di tempat pengkaji sendiri. Ianya melibatkan responden seramai 10 orang murid iaitu melibatkan 2 kelas dari tahun 5 dan tahun 6. Kajian secara kualitatif ini dilakukan secara rawak kepada 2 kelas murid berkenaan. Bagi mendapatkan data yang lebih tepat pengkaji meminta jasa baik ibu bapa untuk menerangkan kepada murid sekiranya berlaku kekhilafan dan tidak faham mengenai soalan yang diajukan.

### **Dapatan kajian**

Terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh guru ketika sesi pembelajaran atas talian (online learning) semasa penularan pandemik Covid 19.

Pengkaji menggunakan instrumen temubual terhadap responden bagi melihat sendiri kesahihan data yang dianalisis. Kemahiran penyoalan serta aras soalan diambil kira bagi mendapat gambaran yang menyeluruh.

### **Latar belakang murid**

Jadual 1 menunjukkan secara ringkas latar belakang peserta kajian, iaitu murid dari tahun 5 dan tahun 6 yang mempunyai ibu dan bapa yang bekerja di sektor kerajaan ataupun bekerja sendiri.

Jadual 1: Latar belakang pekerjaan ibu bapa responden

<b>Profil responden</b>	<b>Ibu bapa bekerja di sektor kerajaan</b>	<b>Ibu bapa bekerja sendiri</b>
Murid tahun 5	3	2
Murid Tahun 6	4	1

Dapatan soalan kajian 1: Adakah anda mempunyai pemilikan telefon pintar sendiri ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diisytiharkan kerajaan baru-baru ini?

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian bagi menganalisis berapakah murid yang mempunyai telefon pintar sendiri ataupun berkongsi dengan ibu dan bapa. Ini adalah bertujuan untuk pengkaji menilai sendiri permasalahan yang berlaku sepanjang tempuh PKP berlangsung. Permasalah ini timbul apabila pengkaji sendiri ada menggunakan menggunakan cara

pengajaran secara atas talian (online learning) dan hanya beberapa orang murid sahaja yang menghantar kerja rumah yang disediakan.

Jadual 2: Taburan penggunaan telefon pintar dalam sehari mengikut jam dalam sehari

<b>Bil responden mengikut tahun</b>	<b>Bilangan jam</b>		
	2 jam sehari	3 jam sehari	5 jam sehari
Tahun 5	2	3	1
Tahun 6	1	2	2

Dapatan soalan temubual yang ketiga kepada semua responden di jawab dengan begitu teliti dan yakin memandangkan pengkaji akan menjuruskan kepada pertanyaan yang menjadi focus dan pokok persoalan kepada tajuk kajian yang sedang dikaji. Pengkaji menjelaskan kepada responden agar dapat memberikan maklumat yang tepat berdasarkan pengalaman yang dihadapi semasa (PKP) dalam menangani penularan wabak Covid 19.

Berikut adalah item soalan ditanyakan kepada responden.

Jadual 3: Kemudahan akses yang dimiliki oleh responden sepanjang PKP dalam melayari internet dan penggunaan peranti dalam pembelajaran di atas talian.

<b>Responden</b>	<b>Murid memiliki kemahiran mengakses internet</b>	<b>Terdapat kemudahan mengakses internet di rumah</b>	<b>Memahami isi pelajaran yang disampaikan guru</b>	<b>Berkongsi peranti dengan adik beradik yang lain</b>	<b>Merasa seronok dengan pembelajaran atas talian</b>
Res 1	√	√	x	√	x
Res 2	√	√	√	√	x
Res 3	√	√	x	√	x
Res 4	√	x	√	√	x
Res 5	√	x	√	√	√
Res 6	√	√	x	√	x
Res 7	√	x	√	√	√
Res 8	√	x	√	√	x
Res 9	√	x	√	√	x
Res 10	√	x	√	√	x

Hasil dapatan yang direkodkan menunjukkan 8 daripada responden ataupun 80% merasa tidak seronok belajar menggunakan pembelajaran atas talian. Kesemua 10 orang responden ataupun 100% ada berkongsi peranti dengan adik beradik yang lain setiap kali guru memberikan tugas kepada mereka. Malahan hanya 40% orang daripada responden yang mempunyai kemudahan mengakses internet dari rumah. Ini bermakna responden selebihnya bergantung harap kepada ibu dan bapa ketika mengakses internet. Namun begitu kesemua responden iaitu 100% berpengetahuan dalam mengakses internet. Ini

adalah salah satu kejayaan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memperkenalkan mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Hasil kajian pandemik pasca penjarakan sosial Covid-19 yang dilaksanakan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) bersama 100 pakar pendidikan dalam negara yang telah membabitkan 10428 responden pendidikan yang dilakukan pada April hingga awal Jun mendapati 93 peratus guru memilih mengajar secara bersemua di dalam kelas berbanding kaedah pengajaran yang lain.

Hasil kajian pedagogi penjarakan sosial pasca Covid-19, pihak yang berkepakaran telah memperkenalkan empat kaedah pedagogi pengajaran dan pembelajaran iaitu pembelajaran bersemuka, segerak, tak segerak, serta offline (luar talian). Kaedah yang dilakukan ini boleh dijadikan pilihan kepada guru dan sekolah untuk mengajar murid-murid mengikut topik-topik (subjek) yang bersesuaian. Ini semua bergantung kepada warga pendidik untuk lebih kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran.

### 1. Implimentasi pengajaran di atas talian (online Learning)

Pengajaran secara atas talian mempunyai konsep yang sangat luas. Ianya adalah rangkuman termasuklah menggunakan aplikasi yang ada di dalam program yang terdapat di dalam komputer. Di samping itu juga capaian internet mestilah meluas agar segala maklumat yang disampaikan oleh guru dapat diakses dengan baik bagi memungkinkan ilmu diperolehi dengan baik.

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi (2020) telah meletakkan bahawa Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) adalah satu reka bentuk mesej atau komunikasi yang mengaplikasikan penggunaan teknologi canggih. Bahan pengajaran boleh dimuatnaikkan di dalam Google Clasroom, Zoom, Google Meet dan lain-lain aplikasi yang terdapat di dalam komputer.

Jika dilihat secara tuntas dan ilmiahnya pengajaran secara maya sudah lama wujud iaitu bermulanya kedatangan Islam yang diterjemahkan melalui penerimaan wahyu yang pertama dari Malaikat Jibril kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW di dalam surah Al-Alaq ayat 1 yang berbunyi:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Yang bermaksud: Bacalah dengan menyebut tuhanmu (Allah) yang maha menciptakan.

Melalui ayat ini jelas menunjukkan bahawa junjungan besar kita sendiri pernah menerima ilmu secara audio visual.

Ketika pandemik Covid 19 ini mulai merebak dengan cepat, salah satu cara untuk menghentikannya adalah dengan mengamalkan “penjarakan sosial” di mana rakyat Malaysia diminta untuk mula mengamalkan “Norma baharu” (New Norm) dalam kehidupan. Bermulalah satu transformasi yang baru apabila kesemua jabatan kerajaan memulakan tugas dari rumah. Guru juga antara penjawat awam yang menggunakan medium pengajaran atas talian (online learning) untuk bekerja. Walaupun begitu di dalam situasi ketika jumlah mangsa pandemik ini terus meningkat, terdapat juga kesukaran kepada pelajar ketika mengakses internet.

Melalui satu artikel yang ditulis oleh Wan Ya Shin, (18 April 2020) menyatakan bahawa Covid 19 telah menzahirkan satu kelompongan yang besar dalm jurang digital yang wujud di kalangan pelajar. Bagi mendapatkan pembelajaran di atas talian seseorang pelajar perlulah mengakses kepada platform tersebut. Mereka memerlukan kepada jaringan jalur

lebat yang tinggi, peranti seperti computer atau computer riba ataupun telefon pintar. Di kawasan bandar terdapat aduan di mana pelajar-pelajar berkongsi peranti dengan ibu bapa menyebabkan mereka gagal dan tidak dapat menggunakan sepenuhnya pembelajaran yang dijalankan di atas talian. Namun begitu permasalahan yang berlaku di kawasan pedalaman pula agak berbeza di mana mereka mengalami masalah sambungan internet yang agak perlahan sehinggakan ada di sesetengah kampung tidak mempunyai akses kepada tenaga elektrik yang menyebabkan kegagalan penerimaan internet secara langsung. Tular di media sosial bagaimana seorang pelajar IPT yang terpaksa memanjat pokok dan bermalam di atas pokok semata-mata untuk menduduki ujian yang dijalankan secara atas talian oleh pihak Universiti.

## 2. Kurang kesiapsiagaan dan infrastruktur digital

Covid 19 membuka mata kita semua tentang kekurangan sistem dan kesiapsiagaan digital. Kebanyakan negara yang sedang membangun telah cuba untuk menukarkan proses pembelajaran dari dalam kelas kepada pembelajaran maya (Virtual Learning). Namun begitu, hasrat itu seakan-akan sedikit kekaburan apabila masih ada guru yang kurang berkemahiran menggunakan teknologi komputer dan masih lagi terkapai-kapai menggunakan aplikasi yang terdapat di dalam komputer.

Kemudahan infrastruktur dan juga pembangunan pengajaran berasaskan digital menjadi salah satu sebab bagaimana guru tidak dapat mengaplikasikan sepenuhnya pembelajaran secara atas talian ketika berlakunya pandemik Covid 19. Harith Asyraf Hasnam (2020), mengupas tentang isu kekurangan infrastruktur dan kekangan untuk mengakses internet di kawasan luar bandar menjadi keluhan dan rungutan daripada guru-guru. menurut kajian dilakukan Berkshire Media melibatkan 1.78 juta sampel data di media sosial, sejumlah 155,296 data membincangkan isu pendidikan. Permasalahan yang berlaku ini tidak hanya melibatkan guru-guru sekolah rendah tetapi juga di peringkat tertinggi iaitu pelajar-pelajar IPT.

*“Ibu bapa meluahkan kekecewaan berkenaan pembelajaran di rumah (Home Based Learning - HBL) disebabkan pelbagai isu seperti sistem dan teknologi yang tidak sesuai selain berkenaan masa yang diluahkan untuk menjalankan HBL,” tambah laporan itu lagi.*

Justeru itu amat wajarlah sekiranya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menambah baik infrastruktur jaringan jalur lebar di kawasan luar bandar bagi memastikan perubahan dan kejayaan dapat dikecapi oleh semua lapisan pelajar.

## 3. Berkongsi peranti dan telefon pintar.

Pembelajaran secara atas talian dan digital menggunakan pelbagai kaedah termasuklah Google Classroom, Zoom, Skype Webex, Schoology, Green Screen, Edpuzzle, Cidos, e-learning portal, Microsoft Teams, editor video (Youtube Editor atau VivaVideo), aplikasi latihan dalam talian dan EduwebTV menjadi medium bagi guru dan tenaga pengajar dalam menyampaikan maklumat kepada murid ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung. Walaupun begitu terdapat pelajar di kawasan pedalaman yang terpaksa berkongsi peranti dan telefon pintar bagi mendapatkan soalan latihan dan nota-nota yang dimuatnaikkan oleh guru di dalam telefon pintar.

Hasil perincian yang dijalankan di Negeri Sabah menunjukkan 52% pelajar di Negeri Sabah tidak mempunyai akses internet. Artikel yang dimuatnaik melalui BH online

bertarikh 19 Julai 2020 merupakan gambaran sebenar tentang cabaran yang berlaku di kalangan tenaga pengajar. Menurut Pengarah Pelajaran Sabah, Dr Mistirine Radin menyatakan bahawa ketiadaan kemudahan itu amat menyukarkan guru-guru melaksanakan pdpc secara atas talian. Berkata kepada pemberita Bernama Dr Mistirine, berkata bahawa 98% guru-guru di Sabah bersedia untuk melakukan pdpc di atas talian memandangkan mereka mempunyai kemudahan seperti Wifi, data internet dan gajet yang diperlukan selain berkemahiran mengendalikan sesi berkenaan. Pada awal PKP pihak Jabatan Pendidikan Negeri menerima rungutan daripada ibu bapa kerana terpaksa berkongsi telefon pintar untuk pembelajaran. Justeru itu satu mekanisma baru perlu diwujudkan bagi menangani permasalahan ini pada masa yang akan datang.

Pembelajaran bersemuka adalah proses PdP di dalam kelas seperti biasa, sementara segerak pula dilakukan secara langsung (live) menerusi aplikasi seperti Google Meet, Zoom, Skype dan panggilan video. Kaedah tak segerak dan offline pula ialah model PdP yang dibuat secara rakaman video serta pemberian tugas tertentu kepada murid tanpa perlu murid hadir ke sekolah. Pilihan pedagogi ini secara langsung akan membantu kerajaan mengawal penularan Covid-19 dalam negara.

Pendekatan melalui blended learning juga boleh dilakukan di dalam PdP pasca Covid-19. Blended learning adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan kaedah konvensional iaitu secara bersemuka dan juga menggunakan pembelajaran maya melalui dalam talian di mana sahaja pada masa terluang dan boleh dirujuk pada bila-bila masa. Ia adalah antara inovasi yang memungkinkan sesuatu pembelajaran menjadi lebih menarik dan efektif (Shahaimi & Khalid, 2015).

Perdana menteri juga memaklumkan proses pendigitalan dan pembelajaran maya akan diperkasakan. Ia sangat relevan dengan situasi Covid-19 dan pasca Covid-19. Apa yang pasti, pihak yang akan memikul segala perancangan kearah misi itu, sudah pasti guru di sekolah. Melonjakkan kedudukan ke satu pertiga negara terbaik di dunia bukanlah kerja yang mudah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah meletakkan keperluan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan sebagai Anjakan 7: Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. KPM percaya bahawa ICT akan membantu memperkukuh proses pengajaran dan pembelajaran di semua sekolah di negara ini. Murid sepatutnya mendapat akses kepada kandungan yang lebih luas, menarik, dan interaktif melalui peralatan yang lengkap. Yang penting kemudahan ICT ini akan menjadi sebahagian daripada kehidupan murid di sekolah, tanpa jurang pemisah antara bandar dengan luar bandar.

Platform dalam talian berkonsepkan e-pebelajaran boleh banyak membantu guru dan murid. Justeru bagi menyantuni anak-anak di rumah, para guru perlu mengadaptasikan dan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran seperti biasa menerusi pelbagai sistem dalam talian seperti Google Classroom, Google Docs, Google Slides Dan Google Meet. Malah kumpulan WhatsApp kelas, youtube dan facebook juga boleh terus menjadi platform yang sangat signifikan dalam mewujudkan sesi interaksi dan pembelajaran antara guru dan murid. Namun dalam hal ini, cabaran guru ialah guru perlu mahir menggunakan platform digital dan teknologi yang ada. Para guru terutama guru senior perlu segera belajar dan membiasakan diri supaya boleh meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti biasa. Di samping itu, guru perlu bersedia mendepani anak-murid yang tiada akses

internet serta memiliki peranti yang bersesuaian untuk belajar secara maya. Misalnya, menurut Pengarah Pendidikan Sabah, sebanyak 52 peratus murid di Sabah terutamanya yang tinggal di luar bandar tidak mempunyai akses internet dan telefon pintar, komputer riba atau peranti mudah alih lain untuk meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran.

Justeru dalam keghairahan guru meneroka e-pembelajaran, jangan di lupa pada kekangan pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang bakal dihadapi oleh guru. Pihak kementerian perlu memainkan peranan dengan menyediakan kemudahan infrastruktur yang diperlukan agar sesi secara maya ini dapat diteruskan. Untuk mengatasi masalah ini, capaian internet misalnya, perlu ada langkah drastik dari pihak kerajaan untuk menambahbaik kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan supaya pada akhirnya hasrat untuk mendigitalkan sektor pendidikan negara atau lebih dikenali sebagai e-pendidikan dapat direalisasikan.

Sebagai contoh, kementerian pengajian tinggi telah mengaktifkan mod pengajaran dan pembelajaran dalam talian kepada seluruh IPT di negara ini termasuk universiti, politeknik, kolej komuniti, institut kemahiran dan pusat latihan teknikal yang terjejas akibat wabak ini. Menurut Perowansa Paruka, Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Kota Kinabalu, aspek keberkesanan pengetahuan dan kemahiran berkomunikasi pelajar menerusi e-pembelajaran berkonsepkan forum, bengkel, kursus, seminar atau sebarang program pemantapan jati diri yang bersenergi dan komprehensif bagi menambah pengetahuan mereka.

Ujian telah dilakukan ke atas teori connectivism yang dikatakan sebagai teori pembelajaran era digital. Ia menguji keberkesanan aktiviti PdP atas talian. Pendekatan cybergogi sepatutnya meningkatkan motivasi murid, meningkatkan kadar pengekalan yang lebih lama dan mengurangkan beban kognitif. Melalui pendekatan cybergogi, pembelajaran segerak, pembelajaran tidak segerak dan secara luar talian boleh berlaku pada bila-bila masa. Cybergogi menawarkan lebih daripada satu saluran dan boleh dipelbagaikan mengikut keperluan pelajar dan kesediaan semua pihak terlibat. Amalan ini boleh diaplikasi pada peringkat tertinggi, namun ia agar sukar dilakukan di peringkat pendidikan rendah kerana motivasi murid untuk belajar sendiri masih terlu rendah dan memerlukan iringan dan bimbingan yang menyeluruh dan terpandu dalam PdP. Kerjasama dari ibu bapa amat tinggi bagi meneruskan amalan cybergogi dalam kalangan pelajar rendah dan menengah.

Aplikasi pendidikan baharu yang sentiasa timbul setiap hari, memberi tugas kepada guru untuk mempertingkatkan ilmu selaras dengan tema hari guru. Antara cara meningkatkan ilmu guru seperti melalui program pensiswazahan guru dan galakan melalui biasiswa bagi penyambungan ilmu ke peringkat sarjana serta doctor falsafah (PhD) dilaksanakan dengan giat dan jaya. Apa yang perlu, guru hanya menyegarkan semula momentum minat peningkatan ilmu berkenaan.

### **Cadangan:**

Ketika berlakunya pandemik Covid 19 para cendekiawan dan para pemikir telah cuba mencari jalan penyelesaian terutama melibatkan perubahan dari segi pengajaran dan pembelajaran. Pengenaln kepada pengajaran di atas talian (online learning) memberikan impak yang besar kepada sistem pendigitalan pembelajaran. Antara langkah yang boleh diambil adalah:

1. Penilaian semula objektif pendidikan dan perubahan ke arah melangkaui peperiksaan.

Penilaian serta pentaksiran murid sewajarnya dikaji kembali. Guru perlu menilai murid belajar dengan keupayaan pemikiran yang kreatif dan kreatif amatlah diperlukan oleh murid-murid yang kecil. Sekolah tidak lagi mengejar kepada hasil murid yang cemerlang melalui peperiksaan tapi akhlaknya terbiar. Justeru itu amatlah perlu ditekankan kepada percambahan nilai kemanusiaan dan akhlak dan pekerti yang baik bagi menampakkan keselarian dengan Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Islam. Kaedah tradisional pembelajaran secara hafalan dan membekalkan ilmu maklumat kerana peperiksaan tidak akan mempersiapkan para pelajar kita untuk pekerjaan masa hadapan. Krisis ini merupakan satu peluang kepada kita untuk muhasabah dan membuat perubahan pada sistem pendidikan kita.

## 2. Pengedaran peranti dan meningkatkan akses kepada kelas atas talian

Pengedaran peranti kepada semua murid dengan tujuan merapatkan jurang digital dapat dikurangkan, banyak negara telah mengambil langkah seperti mengedarkan peranti-peranti supaya akses kepada kelas atas talian ditingkatkan. Di Finland, beberapa negeri di China, dan Amerika Syarikat para pelajar dibenarkan meminjam peranti digital dari pihak sekolah untuk mengakses platform pembelajaran atas talian. Terdapat juga syarikat-syarikat swasta yang menyumbangkan peranti kepada kanak-kanak yang memerlukan. Memperbanyakkan peranti terutama di kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak agar kesemua pelajar dapat mengakses internet dengan baik.

## 3. Meluaskan capaian kepada para pelajar melalui televisyen

Satu lagi cara untuk meluaskan capaian pembelajaran digital ialah melalui televisyen. Penggunaan televisyen untuk menyiarkan pembelajaran juga perlu diperluaskan lagi. Berdasarkan Kaji Selidik Penggunaan ICT dan Akses oleh Individu dan Isirumah 2018, isirumah yang mempunyai akses kepada televisyen ialah sebanyak 98.6% dan merupakan yang tertinggi antara peranti lain. Oleh itu, liputan kepada para pelajar melalui televisyen adalah lebih luas berbanding platform atas talian. Pada waktu ini, kelas atau rumah disiarkan dalam 2 slot berdurasi 1 jam setiap hari di Okey TV. Penyiaran ini boleh diperluaskan lagi supaya lebih banyak kelas dapat disediakan kepada kanak-kanak pelbagai umur dan sepanjang hari.

## 4. Meluaskan akses digital kepada semua masyarakat samada di bandar atau di luar bandar.

Hampir kesemua rumah di Malaysia mempunyai televisyen. Televisyen juga merupakan salah satu rangkaian dan jaringan digital yang mudah untuk di dapati. Justeru itu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mempunyai satu slot tv yang khas untuk sesi pembelajaran. Seperti yang di lakukan oleh pihak penyiaran swasta iaitu Astro. Berdasarkan satu kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati bahawa 0.3 % rumah di kawasan pedalaman masih lagi tidak mempunyai elektrik dan bergantung hidup dengan menggunakan pelita untuk mendapatkan cahaya. Keprihatinan kerajaan terhadap kedhoifan masyarakat luar bandar perlu dipandang serius terutama dalam usaha melahirkan lebih ramai anak muda yang berjaya di kawasan pedalaman.

## **Rumusan**

Pandemik Covid 19 membuka satu lembaran baharu kepada semua guru dalam pemikiran. Guru mestilah bersedia dengan sebarang kemungkinan perlu berfikir di luar kotak dalam

menyampaikan segala maklumat kepada murid. Guru perlu lebih kreatif dalam sesi pengajaran norma baharu. Guru juga mesti bersedia menerima hakikat dan perubahan bahawa mereka adalah “harapan” kepada masyarakat dalam melahirkan generasi terdidik dan berwawasan. Guru insan yang sentiasa memulakan langkah ke hadapan bagi membantu insan-insan kecil yang memerlukan ilmu.

Apapun cabaran yang dicetuskan oleh PKP dan Covid-19, tidak akan melunturkan semangat juang guru untuk meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran melalui amalan normal baharu dalam sektor pendidikan negara.

Pendidik wajar mengambil peluang menggunakan teknologi pembuatan Revolusi Industri 4.0 terkini yang membawa realiti maya seperti *virtual reality* (vr), *augmented reality* (ar) dan video 360 darjah yang lebih imersif, interaktif serta memberi pendedahan kepada ilmu dan kemahiran 24 jam sehari. Pendedahan mengenai Revolusi Industri 4.0 perlu dilakukan bermula dari peringkat sekolah rendah.

Kita dapat melihat hikmah di sebalik pandemik Covid-19 dalam aspek pendidikan yang mana ia memerlukan kerjasama daripada semua pihak dalam menangani wabak itu dan meneruskan kelangsungan hidup. Teori pembelajaran dan kaedah pengajaran diuji demi melihat keberkesanan sistem pendidikan abad ke 21.

### **Rujukan**

Ahmad Zaki bin Amiruddin<sup>1</sup>, Dr. Ahmed Thalal bin Hassan, Ahmad bin Abdul Rahman, Nor binti Abdul Rahman, Mohd Shahrizan bin Abu Bakar, (2014), Penggunaan aplikasi atas talian dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bahtiar, R. A., Ibrahim, S., & Ariffin, H. (2014). Matlamat Dan Agenda Pendidikan Dilestari Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ( Pkp ) Covid-19. (April 2020), 1–23. Retrieved from <http://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/2020/2>. Peranan Dan Cabaran Pemimpin Pendidikan.pdf

Harith Asyraf Hasnam, (12 April 2020), Masalah internet, infrastruktur P&P di rumah jadi keluhan rakyat Malaysia – Kajian. Astro Awani

Kamarul Azmi Jasmi, (2012) Analisis Data Dalam Penyelidikan Kualitatif.

Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Halim bin Tamuri (2011) Pedagogi dan Metodologi Pendidikan Islam.

Mohd Nawawi, M. Z. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14-26. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/article/view/3770>

Rosnawati Hussin, (2020). Pembelajaran Dalam Talian Sebagai Norma Baharu. Link: <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/pembelajaran-dalam-talian-sebagai-norma->



baharu/?fbclid=IwAR2iGA2504iEe716RlzY3\_b10kCbz7N6bLzEcnmfGoGO0o  
fTyVf5DRl\_x1s

Shahaimi, S., & Khalid, F. (2015). Pengintegrasian Blended Learning dalam Pembelajaran Persekitaran Maya Frog (VLEFROG ). Pendidikan Abad Ke-21: Peranan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Serta Cabarannya, (April), 52–71.

Wan Ya Shin, (18 April 2020). Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), Artikel Pendidikan Sepanjang Krisis COVID-19.